

IQRA'



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Perpustakaan
Tun Abdul Razak

اقل

BULETIN PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK



uitmlibrary



libraryuitm



libraryuitm



library.uitm.edu.my



4

Penandaarasan Perpustakaan
Universitas Pendidikan
Indonesia (UPI)



5

Kunjungan Hormat ke Pejabat
Kursi Raja-Raja Melayu UiTM
Shah Alam



LIVE HD 8

Live@PTAR Program Bicara
Pakar: "The Changing Land-
scape in Higher
Education"

LIVE HD 18

BIBLIOMETRICS
FOR LIBRARIAN AND
JOURNAL WRITING

LIVE 28th FEBRUARY 2021 (SUNDAY)
0830 AM

Live@PTAR Siri 1:
"Bibliometrics For Librarian
And Journal Writing"

LIVE HD 23



Live@PTAR UCM Siri 1 Segmen
Bersama Pakar Revolusi Digital:
Isu dan Cabaran Penulis
Kontemporari





Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) dengan kerjasama Fakulti Senibina Perancangan dan Ukur, UiTM telah mengadakan Pameran Maya Kartografi: Projek Kartografi dan Peta Kreatif Pelajar Sains Ukur dan Geomatik, FSPU UiTM Shah Alam. Pameran maya yang berlangsung sepanjang bulan Februari 2021 ini adalah berkenaan dengan Projek Kartografi dan Peta Kreatif Pelajar Sains Ukur dan Geomatik, FSPU UiTM Shah Alam.

Untuk melihat
Pameran Kartografi:



Sebarang
pertanyaan:



Sebarang pertanyaan, boleh menghubungi:

Sr. Gs. Dr. Abdul Rauf Abdul Rasam 013-5444289



Berita di laman web
Perpustakaan Universitas
Pendidikan Indonesia
(UPI):



Penandaarasan oleh Perpustakaan Universitas Pendidikan Indonesia (UPI) telah dilaksanakan secara atas talian menggunakan platform Zoom Meeting. Penandaarasan ini diketuai oleh Ketua Pustakawan iaitu Ibu Dr. Riche Cynthia Johan, M. Si serta beberapa pegawai perpustakaan dan diraikan oleh Ts. Hj. Azizi bin Jantan selaku Ketua Jabatan Perpustakaan Digital, Tn. Hj Ahmad Faizar dan En. Ashraf Zamani.

Tujuan penandaarasan ini adalah untuk mendapatkan gambaran sebenar mengenai pengurusan koleksi digital seperti yang telah diwujudkan oleh Perpustakaan Tun Abdul Razak. Justeru, pihak PTAR amat berbesar hati berkongsi maklumat mengenai pengurusan koleksi digital akses terbuka (open access) dan laman web perpustakaan. Penekanan turut diberikan kepada tiga komponen Perpustakaan Digital PTAR iaitu perkhidmatan digital (digital service), koleksi digital (digital collection) dan proses digital (digital process). Di samping itu, proses pengindeksan bahan akses terbuka seperti Directory Open Access Journal (DOAJ), Directory Open Access Book (DOAB) dan lain-lain repositori institusi turut dikongsi bersama. Semoga perkongsian ini dapat memberi manfaat kepada seluruh warga Perpustakaan Universitas Pendidikan Indonesia (UPI).